



**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

SIARAN AKHBAR

**MAJLIS MEMPERINGATI NUZUL AL-QURAN DAN PENYAMPAIAN DERMA KEPADA
ANAK-ANAK YATIM SERTA PENYAMPAIAN HADIAH PERTANDINGAN BACAAN
AYAT-AYAT SUCI AL-QURAN BAGI KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI SERTA
JABATAN-JABATAN DI DALAMNYA TAHUN 1446H/2025M**

Hari Sabtu, 21 Ramadhan 1446H / 22 Mac 2025M

Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah mengadakan Majlis Memperingati Nuzul Al-Quran dan Penyampaian Derma kepada Anak-Anak Yatim serta diselajarkan dengan penyampaian Hadiah bagi pertandingan bacaan Ayat-Ayat Suci Al-Quran pada hari Sabtu, 21 Ramadhan 1446H bersamaan 22 Mac 2025M bertempat di Dewan Teater, Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Commonwealth Drive, Negara Brunei Darussalam.

Hadir selaku Tetamu Kehormat pada majlis berkenaan ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr Awang Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II. Turut hadir ialah Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Yang Mulia Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal), Setiausaha Tetap, Pemangku-Pemangku Setiausaha Tetap, Pengarah Urusan Brunei Darussalam Central Bank, Timbalan Setiausaha Tetap, Ketua-Ketua Jabatan dan Bahagian, Pegawai-Pegawai Kanan, Pegawai dan Kakitangan Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta Jabatan-Jabatan di dalamnya.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan disusuli dengan penyampaian sebuah Ceramah Khas bertajuk "Jangan Tinggalkan Al-Quran" yang disampaikan oleh Yang Mulia Awang Haji Muskrisman Safari bin Haji Mustapa, Pegawai Perkembangan Ugama, Ketua Dakwah Daerah Belait.

Disamping itu juga, Majlis diteruskan dengan penyampaian hadiah kepada pemenang-pemenang Pertandingan Al-Quran terdiri daripada pegawai dan kakitangan Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta Jabatan-Jabatan di dalamnya bagi Tahun 2025, yang mana, sesi saringannya telah diadakan pada 20hb Februari 2025 yang lepas. Majlis kemudiannya diakhiri dengan penyampaian derma kepada 20 orang anak-anak yatim yang telah disampaikan oleh Tetamu Kehormat majlis.

Johan Qari bagi pertandingan membaca Al-Quran pada Tahun 2025 telah disandang oleh YM Awang Abdul Wafiy bin Haji Ibrahim wakil daripada Pejabat Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Naib Johan disandang oleh YM Pengiran Haji Muhammad Ilyas bin Pengiran Haji Masri, wakil daripada Agensi Pelaburan Brunei dan Tempat Ketiga disandang oleh YM Awang Azis bin Haji Matali, wakil daripada Jabatan Kastam dan Eksais Diraja.

Manakala, Johan Qariah telah disandang oleh Yang Mulia Dayang Noraimah binti Napiah wakil daripada Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Naib Johan disandang oleh Yang Mulia Dayang Aqilah binti Haji Hassan, wakil daripada Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik, Tempat Ketiga disandang oleh Yang Mulia Dayang Hajah Zuraidah binti Haji Awang Abdul Latip, wakil daripada Agensi Pelaburan Brunei, Tempat Keempat disandang oleh Yang Dayang Satia binti Haji Tahir, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja dan Tempat Kelima disandang oleh YM Dayang Nurul Aziemah binti Hamidon, wakil daripada Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik.

Majlis seumpama ini adalah salah satu aktiviti tahunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta Jabatan-Jabatan di dalamnya dalam menggalakkan pembacaan ayat-ayat Suci Al-Quran disamping mengetengahkan bakat-bakat diantara kalangan pegawai dan kakitangan Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta Jabatan-Jabatan di dalamnya. Majlis pada tahun ini telah diungkayahkan oleh Bahagian Teknologi Maklumat, Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

-TAMAT-

Disediakan oleh:
Bahagian Pembangunan Sumber Manusia dan Hal Ehwal Korporat
Kementerian Kewangan dan Ekonomi
Negara Brunei Darussalam

Emel: pr@mofe.gov.bn
Rujukan: KKW/ADM/15 & KKW/ADM/17
Tarikh: 21 Ramadhan 1446H
22 Mac 2025M